

ARAHAN 24/2020

DI BAWAH BAB 62A AKTA PENYAKIT BERJANGKIT PENGGAL 204

1. Menurut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2020 yang berkuatkuasa bermula 30 Januari 2020 dan sebagaimana kenyataan media Kementerian Kesihatan yang disiarkan pada 22 Zulhijjah 1441 bersamaan dengan 13 Ogos 2020,
 - 1.1. Mengambil kira situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang pada masa ini adalah dalam keadaan yang terkawal, maka pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai tambahan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bermula 17 Ogos 2020 seperti berikut:
 - a) Menaikkan tahap pertama (level 1) bagi arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) kepada tahap kedua (level 2).
 - b) Menaikkan dari tahap kedua (level 2) ke tahap ketiga (level 3) bagi:
 - Kolam renang
 - Panggung wayang
 - Pusat kegiatan warga emas
 - Perkumpulan ramai

- c) Mengekalkan aktiviti kafé internet di tahap ketiga (level 3).
- d) Menaikkan dari tahap ketiga (level 3) ke tahap keempat (level 4) bagi:
- Kelas berkeperluan khas
 - Pusat penjagaan kanak-kanak
 - Muzium, galeri dan perpustakaan
- e) Mengekalkan aktiviti-aktiviti berikut di tahap keempat (level 4):
- Masjid, surau dan balai-balai ibadat
 - Tempat-tempat ibadat selain masjid dan surau
 - Sekolah
 - Pendidikan teknikal, vokasional dan tinggi
 - Sekolah tuisyen dan sekolah muzik
 - Sekolah memandu
 - *Gym dan fitness centre*
 - Kemudahan sukan (*indoor & outdoor*)
 - Golf
 - Restoran, kafe dan *food court*
 - Gerai dan pasar

Keterangan lanjut mengenai pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial di setiap premis tersebut di atas adalah sebagaimana garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian-Kementerian yang berkenaan.

- 1.2. Sementara itu, berikut ialah syarat-syarat pengurangan langkah-langkah sosial bagi aktiviti-aktiviti tertentu:
 - a) Bermula 17 Ogos 2020, perkumpulan ramai adalah dibenarkan dengan keramaian tidak melebihi 200 orang sahaja. Orang ramai boleh merujuk kepada syarat-syarat terperinci di dalam Garispanduan bagi Perkumpulan Ramai Tahap 3 yang akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.
 - b) Arked dan taman permainan kanak-kanak (*indoor and outdoor*) akan dibenarkan beroperasi pada kadar 60% dari kapasiti biasa pada satu-satu masa. Garispanduan bagi Arked dan Taman Permainan Kanak-Kanak Tahap 2 akan dimuat naik ke laman sesawang Kementerian Kesihatan.
2. Sesiapa yang didapati melanggar atau ingkar arahan yang telah dikeluarkan ini maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) yang mana jika didapati bersalah boleh membawa denda sehingga \$10,000 atau penjara sehingga tempoh 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

3. Sementara itu, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan seterusnya ingin memaklumkan mengenai pengurangan harga bayaran caj ujian swab RT-PCR COVID-19 yang dikenakan kepada warga asing yang diberikan kebenaran khas untuk masuk ke negara ini iaitu daripada BND\$1,000 (seribu ringgit) kepada BND\$350 (tiga ratus lima puluh ringgit) bermula pada hari Jumaat, 14 Ogos 2020.

Tarikh: 22 Zulhijjah 1441
13 Ogos 2020